

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 JUNE 2016

Dr. Mahathir seperti tidak pernah bersama BN

UM-12/6/2016

KUALA LUMPUR 11 Jun - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad meminta rakyat tidak mengundi Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar pada 18 Jun ini seolah-olah memperlihatkan beliau tidak pernah bersama parti itu.

Hakikatnya, menurut Presiden Parti India Bersatu Malaysia (MUIP), Tan Sri S. Nallakaruppan, menerusi jawatan Pengerusi BN yang disandangnya sebelum ini meletakkan Dr. Mahathir di teraju pentadbiran negara selama 22 tahun serta menjadikannya popular di seluruh dunia.

Menurut beliau, bekas Perdana Menteri itu sanggup berbuat apa sahaja termasuk mengheret rakyat untuk menentang BN dan UMNO sedangkan realitinya beliau hanya mahu anaknya, Datuk Mukhriz berkuasa.

"Sekiranya beliau benar-benar pernah bersama UMNO dan BN serta menyayangi parti

itu, tidak mungkin beliau bersekolong dengan pembangkang.

"Mungkin Dr. Mahathir mempunyai *my way* untuk memastikan jawatan Perdana Menteri yang kini disandang oleh Datuk Seri Najib Tun Razak jatuh ke tangan anaknya, Mukhriz," katanya ketika menyampaikan ceramah Pilihan Raya Kecil di Kuala Kangsar baru-baru ini.

Nallakaruppan berkata, tindakan bekas Perdana Menteri itu tiada beza ketika tempoh 22 tahun pentadbirannya iaitu sesiapa sahaja yang tidak disukai akan disingkirkan dengan apa cara sekalipun.

"Daripada Tengku Razaleigh Hamzah, Tun Musa Hitam, Datuk Seri Anwar Ibrahim sehinggalah beliau menaikkan Tun Abdullah Ahmad Badawi, kemudiannya menyingkirkan Pak Lah, akhirnya tiba ke bab menggulingkan Najib.

"Kelihatannya Dr. Mahathir masih terus melakukan kerosakan politik," katanya.